

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YB DATO' SERI TIONG KING SING (BINTULU)

TARIKH : 12 OKTOBER 2021 (SELASA)

SOALAN

DATO' SERI TIONG KING SING [BINTULU] minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan:

(a) apakah perancangan Kementerian untuk memastikan sistem pengairan di sepanjang pembinaan projek Lebuh Raya Pan Borneo terutamanya di kawasan Bintulu dibaiki dan ditambah baik mengikut keadaan semasa memandangkan seberapa lokasi sering dilanda banjir kilat akibat sistem pengairan yang sangat teruk; dan

(b) apakah tindakan tegas yang diambil Kementerian terhadap kontraktor yang gagal mematuhi piawaian pembinaan dan penyelenggaraan jalan-jalan utama yang terlibat dalam Lebuh Raya Pan Borneo

JAWAPAN

Tuan Yang Di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, berhubung aduan beberapa lokasi sering dilanda banjir kilat berhampiran kawasan pembinaan Projek Lebuh Raya Pan Borneo Sarawak di Bintulu, Kementerian Kerja Raya telah mengarahkan JKR Sarawak dan Kontraktor Pakej Kerja untuk mengambil tindakan pembaikan segera khususnya menambahbaik sistem pengairan di kawasan-kawasan cenderung banjir.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, prosedur-prosedur keselamatan seperti berikut diguna pakai bagi memastikan keselamatan pengguna jalan raya semasa pelaksanaan Projek Lebuh Raya Pan Borneo Sarawak:

- i) Prosedur Pelan Pengurusan Trafik (*Traffic Management Plan – TMP*) di tapak bina sepanjang pembinaan jalan raya, berpandukan kepada Piawaian Arahan Teknik JKR;
- ii) Akta Kilang Dan Jentera 1967, Peraturan (*Building Operation and Works of Engineering Construction - BOWEC*) 1986;
- iii) Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 1994; dan
- iv) Garis Panduan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Awam di Tapak Bina Tahun 2007.

Jika terdapat kegagalan pihak kontraktor untuk mematuhi prosedur-prosedur keselamatan yang dinyatakan di atas, Arahan Pemberhentian Kerja (*Stop Work Order*) akan dikeluarkan kepada pihak kontraktor terlibat. Kerja-kerja pembinaan hanya boleh diteruskan setelah penambahbaikan dilaksanakan oleh kontraktor berdasarkan kepada Notis Penambahbaikan (*Corrective Action Request - CAR*) oleh Pegawai Penguasa (Pengarah JKR Sarawak).

Selain daripada prosedur-prosedur keselamatan tersebut, pemantauan berterusan turut dilakukan oleh Kementerian dan JKR Sarawak selaku Pegawai Penguasa bagi memastikan keselamatan dan keselesaan pengguna jalan raya khususnya di sepanjang kawasan pembinaan Projek Lebuh Raya Pan Borneo Sarawak. Ini termasuklah pemeriksaan mengejut dan audit keselamatan jalanraya oleh pihak ketiga, iaitu Ibu Pejabat JKR Malaysia yang diadakan mengikut keperluan dan aduan sekiranya ada.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
**DARIPADA : YB TUAN AKMAL NASRULLAH BIN MOHD.
NASIR [JOHOR BAHRU]**
TARIKH : 12 OKTOBER 2021 (SELASA)

SOALAN

Minta **MENTERI SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI** menyatakan peratusan terkini bilangan pekerja warga asing yang telah divaksin bagi mengekang penularan wabak COVID-19 dan pembentukan kluster-kluster baru terutamanya dalam sektor industri perkilangan yang memiliki tenaga buruh asing yang tinggi.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

Berdasarkan kepada statistik pemberian vaksin COVID-19 (11 Oktober 2021) kepada bukan warganegara, seramai 2.96 juta orang dewasa telah menerima sekurang-kurangnya satu dos vaksin manakala 2.23 juta orang dewasa telah menerima lengkap dos.

Data penerima vaksin bukan warganegara ini juga merangkumi pelaksanaan vaksinasi kepada pekerja di bawah PPV Industri termasuk

NO. SOALAN : 18

pekerja asing. Sehingga tempoh yang sama, melalui PPV Industri, seramai 1,004,798 pekerja telah menerima dos pertama vaksin dan 946,256 menerima dos lengkap vaksin.

Menurut data daripada Kementerian Kesihatan, sehingga 10 Oktober 2021, sebanyak 1,528 kluster perkilangan dilaporkan melibatkan 183,535 kes positif COVID-19. Daripada jumlah tersebut, 253 kluster perkilangan masih aktif dan di bawah tempoh pemantauan wabak.

Untuk makluman Yang Berhormat, PPV Industri telah memainkan peranan yang sangat penting dalam mempercepatkan pemberian vaksinasi kepada pekerja tanpa mengganggu pelaksanaan vaksinasi bagi rakyat umum di Pusat Pemberian Vaksin (PPV) Awam.

Sekian, terima kasih.